

Di Sebalik Jarum Dan Benang: Pandangan Guru Terhadap Cabaran Mengajar Reka Bentuk Fesyen Dalam Subjek Reka Bentuk Teknologi Di Sekolah

Behind the Needle and Thread: Teachers' Perspectives on the Challenges of Teaching Fashion Design in the Design and Technology Subject in Schools

Wan Nor Syamimi Wan Shukri¹, Nor Hidayah Hamdan^{1*}, Abdul Muqstith Ahmad¹, Azizul Qayyum Basri¹, Siti Faizzatul Aqmal Mohamad Mohsin¹, Siti Hajar Zakariah²

¹ Department of Engineering Technology, Faculty of Technical and Vocational, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

² Department of Vocational Education, Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, Johor, Malaysia

*Corresponding author email: hidayah.hamdan@ftv.ups.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 11th July 2025

Revised: 18th August 2025

Accepted: 11th September 2025

Published: 15th February 2026

KATA KUNCI

Fesyen
Rekabentuk Teknologi
Kualitatif
Cabaran
Guru

ABSTRACT - The fashion industry is rapidly expanding and gaining increasing recognition within society. This field is also seen as having the potential to generate income through entrepreneurship, whether on a small or large scale. Accordingly, fashion skills training has been introduced at the school level as early as lower secondary education through the Design and Technology subject, with the aim of preparing a greater number of skilled individuals in this field. However, despite its importance, this area continues to receive limited interest among students, with low achievement levels in the subject, in addition to a lack of teaching and learning materials at the school level. Various development initiatives have been actively undertaken by the government to ensure that the fashion field does not lag behind. Therefore, a preliminary study was conducted to explore the challenges in teaching the Fashion Design component in schools from the teachers' perspectives.

The study employed a qualitative approach. Three participants, who were experienced teachers in teaching the Design and Technology subject, were selected using purposive sampling. The interview data were analysed using thematic analysis. The findings indicate that the challenges faced by teachers stem from two main aspects: students' low interest and the lack of teaching aids specifically for the Fashion Design subject. These two challenges are viewed as the primary factors affecting teachers' efforts to improve student achievement in Fashion Design at the secondary school level. Based on these findings, plans to enhance this subject can be implemented at various levels. It is also hoped that this study will provide an initial overview to inform more in-depth research in the future.

ABSTRAK - Industri fesyen sedang berkembang pesat dan semakin mendapat tempat di kalangan masyarakat. Bidang ini juga dilihat mampu menghasilkan pendapatan melalui keusahawanan samada skala kecil atau besar. Justeru itu, latihan kemahiran fesyen telah diterapkan di peringkat sekolah seawal menengah rendah menerusi subjek Reka Bentuk Teknologi bagi menyediakan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang ini. Namun, disebalik kepentingan bidang ini, ianya tetap kurang mendapat sambutan di kalangan pelajar dengan pencapaian yang rendah bagi subjek ini selain kekurangan bahan bantu mengajar di peringkat sekolah. Pelbagai usaha

pembangunan giat dijalankan oleh pihak kerajaan untuk memastikan bidang fesyen tidak ketinggalan. Oleh itu, satu kajian awal dijalankan bagi meneroka cabaran dalam pengajaran subjek Reka Bentuk Fesyen di sekolah dari sudut pandangan guru. Kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif. Tiga orang peserta kajian yang merupakan guru berpengalaman dalam pengajaran subjek Reka Bentuk Teknologi dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hasil temubual dianalisis menggunakan kaedah analisis bertema. Dapatan kajian menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru datang dari dua sudut yang berbeza iaitu cabaran minat pelajar yang rendah dan kekurangan bahan bantu mengajar khusus bagi subjek Reka Bentuk Fesyen. Kedua cabaran ini dilihat menjadi faktor utama bagi guru dalam meningkatkan pencapaian subjek Reka Bentuk Fesyen di kalangan pelajar di sekolah menengah. Melalui dapatan ini, perancangan untuk menambah baik subjek ini dapat dijalankan di pelbagai peringkat. Ianya juga diharap dapat memberi gambaran awal kepada kajian yang lebih mendalam pada masa hadapan.

PENGENALAN

Perkembangan industri fesyen di Malaysia dipacu oleh beberapa faktor yang saling berkaitan, termasuk perkembangan e-dagang, peningkatan kesedaran berkenaan kelestarian and pengaruh media sosial. Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia turut menjadi faktor pemangkin kepada peralihan dalam dunia fesyen ke arah perniagaan atas talian sekaligus menyebabkan perniagaan fizikal semakin menurun (Hassan et al., 2024). Dalam pada masa yang sama, pengguna Malaysia terutamanya golongan dewasa dilihat semakin tertarik ke arah kelestarian fesyen termasuk kitar semula dan barangan tempatan yang menekankan produk mesra alam sekitar. Kerajaan juga menggalakkan amalan fesyen lestari ini dengan mendorong institusi pendidikan memasukkan elemen kelestarian ke dalam kurikulum, selaras dengan permintaan pengguna yang semakin meningkat terhadap fesyen mesra alam (Hassan et al., 2024). Pendekatan pelbagai dimensi ini bukan sahaja melahirkan tenaga kerja mahir, tetapi turut memperkukuh modal sosio-budaya komuniti, sekali gus menghubungkan pendidikan fesyen dengan matlamat pembangunan yang lebih luas (Khurana & Ryabchikov, 2017).

Selain itu, platform media sosial seperti TikTok dan Instagram memainkan peranan penting dalam membentuk pengaruh fesyen termasuk yang menjadi penyebab kepada sesuatu pilihan pengguna. Tambahan juga, fesyen mewah turut semakin berkembang, dipengaruhi oleh pengguna muda yang sudah memiliki kesedaran berkenaan material dan jenama mewah yang telah meningkatkan keinginan mereka untuk membeli belah (Hashim et al., 2019). Secara keseluruhan, kesemua faktor ini melambangkan kepesatan landskap fesyen di Malaysia yang dipengaruhi oleh budaya, ekonomi dan perkembangan teknologi (Farhana et al., 2022). Ini menjadikan fesyen sebagai salah satu industri yang sedang berkembang pesat di negara ini terutama di kalangan generasi muda.

Kerajaan Malaysia juga dengan aktif menyokong pembangunan pendidikan fesyen melalui pelbagai inisiatif yang bertujuan meningkatkan kelestarian industri serta menangani cabaran sosioekonomi. Antara usaha yang menonjol ialah pelaksanaan model *Teaching Factory* (TEFA) di sekolah vokasional oleh Kementerian Pendidikan, yang memberi penekanan kepada kemahiran praktikal dalam reka bentuk fesyen dan menyelaraskan pembelajaran dengan keperluan industri (Fitrihana, 2017). Bagi pelajar yang ingin mendalami bidang ini selepas tamat sekolah, institusi seperti Politeknik Ibrahim Sultan menawarkan program berkaitan reka bentuk fesyen dengan peluang kerjaya sebagai pembantu pereka, pengurus butik, dan pereka aksesori (Politeknik Ibrahim Sultan, 2024). Institusi swasta seperti The One Academy dan ESMOD Kuala Lumpur pula menyediakan diploma dalam *Fashion Design & Pattern Making*, merangkumi kemahiran teknikal, ilustrasi fesyen, draping, dan pemasaran fesyen.

Di peringkat sekolah, pendidikan fesyen telah diterapkan seawal sekolah menengah rendah melalui subjek Reka Bentuk Teknologi dalam bab Reka bentuk fesyen. Reka bentuk fesyen didefinisikan sebagai suatu proses atau bidang seni yang mengaplikasikan idea dalam menghasilkan reka bentuk pakaian atau aksesori. Pendekatan pembelajaran yang berasaskan projek dan kitaran reka bentuk ini bertujuan membina kemahiran berfikir kritis, kreativiti, dan kemahiran teknikal dalam kalangan murid, sejajar dengan objektif kurikulum yang menekankan pembangunan modal insan berdaya saing dan inovatif (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Dalam topik ini murid didedahkan dengan definisi reka bentuk fesyen, jenis- jenis fesyen, peralatan, teknik cantuman, penghasilan lakaran produk rekabentuk fesyen, analisis elemen dan bahan reka bentuk fesyen dan seterusnya penghasilan reka bentuk fesyen. Apa yang dapat dilihat daripada standard kandungan topik ini ialah reka bentuk fesyen bukanlah hanya tertumpu kepada menjahit pakaian sebaliknya ia memberi pendedahan luas kepada

murid tentang fesyen. Ini menunjukkan usaha kerajaan dalam memajukan bidang fesyen dengan memberi pendedahan kepada pelajar melalui subjek Reka Bentuk Fesyen di sekolah.

LATAR BELAKANG MASALAH

Umum mengetahui bahawa Reka Bentuk Fesyen merupakan salah satu topik utama dalam mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), di mana elemen reka bentuk fesyen diajar sebagai subtopik khusus pada peringkat sekolah menengah. Namun, terdapat salah tanggapan bahawa pembelajaran reka bentuk fesyen hanya tertumpu kepada pembuatan pakaian semata-mata. Persepsi ini menyebabkan subjek RBT secara amnya dan subtopik Elemen Reka Bentuk Fesyen kurang mendapat perhatian yang sewajarnya. Tanggapan ini juga turut menyumbang kepada kurangnya minat dalam kalangan murid, terutamanya murid lelaki, memandangkan majoriti pelajar yang mengambil subjek reka bentuk fesyen adalah perempuan (Williams, 2018). Sebaliknya, kemahiran menjahit sering dilihat oleh masyarakat sebagai kemahiran asas yang penting dalam kehidupan seharian dan mampu memberikan hasil yang menguntungkan. Dalam dekad ini, timbul pelbagai isu berkaitan kemahiran guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) yang masih perlu diberi perhatian. Menurut Baharudin (2018), ramai guru RBT tidak memiliki latar belakang yang sesuai dalam bidang ini dan masih mengamalkan teknik pengajaran konvensional yang kurang menyokong penguasaan murid secara menyeluruh dalam subjek tersebut. Kebanyakan guru masih bergantung kepada kaedah pengajaran tradisional seperti syarahan, yang kurang bersifat interaktif dan tidak efektif dalam mencapai objektif pembelajaran yang kompleks dalam RBT (Baharudin Saleh et al., 2018). Selain itu, pengetahuan guru dalam melaksanakan kurikulum RBT juga dilaporkan berada pada tahap sederhana sahaja. Tambahan pula, pengenalan mata pelajaran baharu seperti RBT menimbulkan cabaran tersendiri, di mana kekurangan kefahaman mendalam terhadap kurikulum menyebabkan guru cenderung mengubahsuai pendekatan pengajaran berdasarkan pemahaman peribadi, yang berpotensi tidak selaras dengan objektif sebenar kurikulum. Keadaan ini menuntut usaha bersepadu bagi meningkatkan kompetensi guru agar pengajaran RBT dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan relevan. Sejak kebelakangan ini, timbul juga beberapa isu yang melibatkan kekurangan bahan-bahan rujukan RBT. Dalam kajian oleh Sahaat dan Nasri (2020), guru-guru RBT di Sarawak menyatakan perlunya modul tambahan bagi membantu mereka mengatasi cabaran dalam pengajaran, terutamanya kerana masa yang diperuntukkan untuk aktiviti projek adalah terhad dan alat bantu mengajar yang mencukupi kurang tersedia. Selain itu, kekurangan latihan dan kursus yang disediakan kepada guru untuk mengoptimumkan penggunaan BBM dan bahan rujukan secara berkesan dalam pengajaran RBT (Nasibah et al., 2020; Zaidi et al., 2021). Kekurangan BBM ini juga turut dikaitkan dengan isu kesediaan sekolah dalam menyediakan peralatan dan modul pengajaran RBT secara konsisten (Nasibah et al., 2020). Menurut Nooraihan (2020) mendapati bahawa modul berkesan meningkatkan kemahiran murid dengan lebih efisien. Sehubungan itu, satu kajian dijalankan bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi subtopik Reka Bentuk Fesyen di sekolah. Ini berikut bagi lebih memahami dan permasalahan yang dinyatakan dalam konteks yang lebih dekat iaitu di sekolah.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah kualitatif kajian kes dengan pendekatan temubual separa berstruktur.

Strategi pertanyaan

Terdapat lima strategi pertanyaan dalam kajian kualitatif iaitu naratif, kajian kes, etnografi, *phenomenology* dan *grounded theory* (Creswell & Cresswell, 2018). Dalam kajian ini, strategi pertanyaan *phenomenology* telah dipilih untuk mengenalpasti persepsi guru terhadap cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen di sekolah.

Persampelan

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh guru sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran topik Reka Bentuk Fesyen di sekolah. Seramai tiga orang peserta terlibat dalam kajian ini melalui Teknik persampelan bertujuan. Menurut Creswell & Cresswell (2018),

bagi kajian berbentuk fenomenologi, jumlah peserta yang diperlukan Adalah antar 3-10 orang. Peserta yang terlibat merupakan guru-guru mata pelajaran RBT di sekolah menengah harian biasa. Guru-guru ini mempunyai pengalaman lebih daripada lima tahun mengajar bagi mata pelajaran RBT. Guru-guru ini juga mengajar RBT bagi murid Tingkatan 1.

Pengumpulan data

Data dikumpulkan dalam kajian ini melalui temubual separa berstruktur bersama peserta secara individu berpandukan satu set protokol temubual dengan persetujuan daripada peserta kajian. Protokol temubual telah dibangunkan sebagai panduan dalam mendapatkan data yang diingini (Creswell & Creswell, 2018). Protokol ini telah dibangunkan berdasarkan kepada keperluan dan objektif kajian.

Data Analisis

Data mentah daripada temubual telah ditranskrip terlebih dahulu. Transkripsi temubual kemudian dianalisis dengan kaedah analisis bertema secara bertulis menggunakan pensil dan kertas. Kaedah ini merujuk kepada Braun & Clarke (2006) yang melibatkan enam langkah bermula dari pengumpulan data, pengkodan, pencarian tema dan penceritaan. Kelebihan menggunakan pendekatan ini ianya lebih fleksibel dan sesuai dengan pelbagai strategi dalam kaedah kualitatif (Braun & Clarke, 2006).

DAPATAN KAJIAN

i. Demografi Pakar

Seramai 3 orang guru mata pelajaran RBT yang dipilih sebagai pakar bidang dalam kajian ini. Ketiga-tiga responden yang di temu bual mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam mengajar topik ini. Jadual 1 menunjukkan jawatan dan pengalaman bekerja bagi setiap peserta.

Jadual 1. Demografi peserta

Pakar	Jawatan	Pengalaman Bekerja
P1	Ketua Panitia bagi subjek RBT	5 tahun setengah sebagai guru RBT
P2	Guru kanan mata Pelajaran TVET	9 tahun sebagai guru RBT
P3	Guru subjek RBT	5 tahun sebagai guru RBT

ii. Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran subtopik Reka Bentuk Fesyen

a. Pemahaman Murid Terhadap Elemen dalam Reka Bentuk Fesyen

Dapatan kajian menyatakan bahawa kesemua peserta mengalami cabaran murid-murid sukar untuk mengingat subtopik Elemen dalam Reka Bentuk Fesyen terutamanya dalam kalangan murid lelaki.

"Ya' terutamanya pelajar lelaki seperti yang kita sedia maklum pelajar mengalami kesukaran untuk mengingat tentang struktur luar badan manusia. Murid juga sukar kaitkan dengan reka bentuk pakaian".(P1)

"Untuk memahami elemen reka bentuk fesyen adalah amat sukar jika seorang guru hanya menerangkan tanpa ada ilustrasi atau gambar-gambar berkenaan contohnya seperti elemen bentuk, garisan".(P2)

"Pada pendapat cikgu, subtopik ni bukan sukar difahami tetapi sukar untuk pelajar mengingat setiap elemen tersebut".(P3)

b. Kekurangan Bahan Bantu Mengajar

Peserta menyatakan bahawa mereka juga menghadapi kesukaran yang ketara untuk mendapatkan bahan rujukan yang mencukupi dan khusus berkaitan dengan subtopik elemen dalam reka bentuk fesyen. Hal ini disebabkan oleh kekurangan sumber yang komprehensif dan terperinci yang

membincangkan secara mendalam tentang elemen-elemen seperti garisan, bentuk, warna, dan tekstur dalam konteks reka bentuk fesyen.

“Kalau BBM bagi pendapat saya tidak mencukupi. Kalau boleh murid tidak boleh bergantung pada buku teks baiklah kita bagi ilustrasi gambar atau visual”. (P2)

“Cabaran yang saya hadapi jika kita menggunakan BBM contohnya slide untuk mendapatkan slide Powerpoint dan sebagainya agak sukar”. (P3)

c. Kekurangan Bahan Rujukan bagi Pembelajaran Kendiri

Peserta juga menyatakan murid menghadapi kesukaran kerana kekurangan bahan rujukan yang mencukupi untuk digunakan dalam proses ulangkaji dan pembelajaran sendiri. Tanpa sumber yang lengkap dan mudah diakses, murid-murid sukar untuk memahami konsep-konsep penting secara mendalam dan menguatkan pengetahuan yang telah dipelajari di dalam kelas. Keadaan ini menyebabkan motivasi belajar mereka menurun kerana mereka tidak mempunyai bahan sokongan yang dapat membantu mereka mengulangkaji dengan berkesan di rumah. Selain itu, ketiadaan bahan rujukan yang sesuai juga membataskan peluang murid untuk belajar secara berdikari dan memperbaiki kelemahan mereka.

“Bila pelajar nak membaca, buat latihan dan nak buat pembelajaran sendiri, pelajar tidak ada bahan rujukan yang tepat selain buku teks”. (P1)

“Kadangkala Pdpc tidak dapat dijalankan kerana terlibat dengan program sekolah, jadi chatbot ini sangat membantu murid dalam memahami dengan lebih lanjut apabila mereka balik ke rumah. Jadi ada bahan untuk membantu mereka memahami pengajaran guru yang mana mereka tak jelas.” (P2)

d. Kurang Motivasi dan Minat dalam Belajar

Peserta menyatakan bahawa murid sering berasa bosan ketika menjalani proses pembelajaran. Rasa bosan ini mungkin berpunca daripada kaedah pengajaran yang kurang menarik atau bahan pembelajaran yang tidak mencukupi dan kurang merangsang minat mereka. Keadaan ini boleh mengurangkan motivasi murid untuk memberi tumpuan dan berusaha dengan sepenuh hati dalam pelajaran. Oleh itu, pakar menekankan kepentingan pendekatan pembelajaran yang lebih interaktif dan kreatif bagi mengatasi rasa bosan serta meningkatkan semangat dan keberkesanan pembelajaran di kalangan murid.

“Murid akan berminat belajar kalau dia rasa subtopik tu tak bosan”. (P1)

“Murid-murid tidak berminat dan berasa hambar jika tiada BBM semasa pengajaran”. (P2)

“Pelajar sekarang ni dia nak sesuatu yang mudah difahami kalau susah sikit saja dia akan hilang minat untuk belajar subtopik tersebut”. (P3)

e. Kelemahan dalam Penguasaan Konsep dan Kemahiran Menjawab Soalan

Peserta juga menyatakan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk menjawab soalan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) dengan baik. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pemahaman mendalam terhadap konsep yang diuji serta kekurangan latihan yang mencukupi dalam menghadapi jenis soalan tersebut. Keadaan ini turut menunjukkan bahawa strategi pengajaran dan bahan pembelajaran yang digunakan mungkin belum sepenuhnya berkesan dalam membantu murid menguasai kemahiran menjawab soalan UASA secara tepat dan terperinci. Oleh itu, pakar menegaskan bahawa perlu ada penambahbaikan dalam pendekatan pengajaran serta penyediaan sumber latihan yang lebih sesuai bagi meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan UASA.

“Soalan berkaitan fesyen dalam UASA biasanya murid tidak boleh menjawab dengan betul. Untuk sekolah cikgu soalan berkaitan fesyen ni biasanya akan ada dua atau tiga soalan dalam UASA dan murid biasanya tidak boleh jawab”. (P1)

Berdasarkan dapatan kajian dalam subtopik Elemen dalam Reka Bentuk Fesyen, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa keperluan utama yang perlu diberi perhatian dalam pembangunan BBM. Pertama, pakar menyatakan bahawa murid menghadapi kesukaran untuk mengingat elemen-elemen reka bentuk fesyen, khususnya dalam kalangan murid lelaki, disebabkan kekurangan ilustrasi dan bahan visual yang dapat membantu pemahaman dan daya ingatan mereka. Kedua, terdapat

kekurangan bahan rujukan yang mencukupi dan khusus berkaitan elemen reka bentuk fesyen, menyebabkan guru dan murid sukar mendapatkan sumber yang komprehensif dan terperinci untuk pembelajaran yang efektif.

Selain itu, murid juga menghadapi masalah kekurangan bahan rujukan yang sesuai untuk membuat ulangkaji dan pembelajaran sendiri di rumah, yang seterusnya menjejaskan motivasi dan keberkesanan pembelajaran mereka secara berdikari. Keadaan ini diperparah dengan rasa bosan yang dialami murid semasa proses pembelajaran, yang menurut pakar berpunca daripada kaedah pengajaran yang kurang menarik dan bahan pembelajaran yang tidak mencukupi untuk merangsang minat mereka. Akhir sekali, murid dilaporkan sukar untuk menjawab soalan UASA dengan baik, menunjukkan perlunya penambahbaikan dalam strategi pengajaran dan penyediaan bahan latihan yang lebih sesuai.

PERBINCANGAN

Berdasarkan temu bual yang dijalankan beberapa permasalahan utama telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran Elemen Reka Bentuk Fesyen. Pertama, murid menghadapi kesukaran untuk mengingat Elemen Reka Bentuk Fesyen, terutamanya pelajar lelaki yang sukar mengaitkan struktur badan manusia dengan reka bentuk pakaian. Kesukaran ini akan terjadi apabila guru hanya menerangkan tanpa menggunakan ilustrasi atau gambar yang jelas, menyebabkan murid tidak dapat membayangkan elemen-elemen seperti bentuk dan garisan dengan baik. Dapatan temu bual ini selaras dengan dapatan kajian lepas generasi masa kini lebih cenderung menggunakan peranti elektronik untuk membaca dan mencari maklumat berbanding bahan cetak seperti buku (Tereshchenko, Ivanov, & Petrova, 2020). Ini menjadikan mereka sebagai satu generasi yang berorientasikan teknologi berbanding generasi sebelumnya. Perbezaan ini sendiri mewujudkan satu cabaran terhadap guru RBT.

Selain itu, permasalahan yang seterusnya, bahan rujukan dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang tersedia dianggap tidak mencukupi dan kurang menarik. Guru juga didapati menghadapi cabaran untuk mendapatkan bahan seperti slaid yang berkualiti dan mengikut DSKP. Manakala, murid pula tidak mempunyai bahan rujukan yang tepat untuk membuat ulangkaji dan pembelajaran sendiri, terutama apabila PdPc terganggu. Hal ini selari dengan kajian lepas dimana kekurangan latihan dan kursus yang disediakan kepada guru untuk mengoptimumkan penggunaan BBM dan bahan rujukan secara berkesan dalam pengajaran RBT turut menjadi cabaran kepada guru RBT (Nasibah et al., 2020; Zaidi et al., 2021). Kekurangan BBM ini juga dikaitkan dengan isu kesiediaan sekolah dalam menyediakan peralatan dan modul pengajaran RBT secara konsisten (Nasibah et al., 2020). Ini dikukuhkan lagi melalui kajian oleh Sahaat dan Nasri (2020), dimana guru-guru RBT di Sarawak menyatakan perlunya modul tambahan bagi membantu mereka mengatasi cabaran dalam pengajaran, terutamanya kerana masa yang diperuntukkan untuk aktiviti projek adalah terhad dan alat bantu mengajar yang mencukupi kurang tersedia. Menurut Nooraihan (2020), modul merupakan alat bantu mengajar yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran murid dengan lebih efisien.

Dalam pada itu, kajian lepas mendapati bahawa terdapat jurang perbezaan minat bagi subtopik fesyen dikalangan pelajar mengikut jantina. Murid-murid juga kurang berminat terhadap topik ini lebih-lebih lagi kepada murid lelaki dan kebanyakan murid reka bentuk fesyen ialah perempuan (Williams, 2018). Kekurangan minat dikalangan murid lelaki dalam bidang fesyen berbanding murid perempuan, disebabkan oleh persepsi sosial dan budaya yang mengaitkan fesyen dengan feminin. Stereotaip ini menjadikan murid lelaki lebih cenderung mengelak daripada mengambil kursus fesyen kerana tidak mahu dianggap tidak maskulin. Ini disokong oleh Smith (2022) yang menyatakan telah wujud tanggapan bahawa fesyen merupakan bidang bagi golongan wanita menyebabkan terjadinya perbezaan persepsi dari segi jantina bagi bidang ini. Seterusnya, kurangnya peranan model atau tokoh lelaki yang menonjol dalam fesyen menjadikan murid lelaki kekurangan inspirasi untuk menceburi bidang ini. Sehubungan dengan itu, apabila guru mengajar berpandukan buku teks menyebabkan murid hilang fokus terhadap penyampaian pengajaran guru di dalam kelas (Azrin, 2022).

Dari segi pelaksanaan, pelaksanaan kurikulum RBT dilaporkan berada pada tahap sederhana. Ini adalah berikutan pengenalan RBT sebagai mata pelajaran baharu menimbulkan cabaran tersendiri termasuklah kekurangan kefahaman mendalam terhadap kurikulum di kalangan guru. Ini sekaligus mendorong guru untuk mengubahsuai pendekatan pengajaran berdasarkan pemahaman peribadi, yang berpotensi tidak selaras dengan objektif sebenar kurikulum. Ini akan mempengaruhi kualiti

pencapaian objektif pengajaran yang telah diselaraskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui DSKP.

Keadaan ini menuntut usaha bersepadu bagi meningkatkan kompetensi guru agar pengajaran RBT dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan relevan. Semua permasalahan ini menekankan keperluan untuk menyediakan BBM yang lebih interaktif, visual dan mudah difahami bagi meningkatkan minat dan pemahaman murid dalam elemen reka bentuk fesyen sekaligus meningkatkan kualiti pendidikan guru di Malaysia.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran bagi subjek Reka Bentuk Fesyen. Cabaran yang telah dikenalpasti termasuklah minat pelajar yang rendah dan kekurangan bahan bantu mengajar. Kedua faktor ini mempengaruhi kualiti penguasaan pelajar terhadap subtopik Reka Bentuk Fesyen ini dengan baik. Hasil dapatan ini menegaskan kepentingan pembangunan bahan bantu mengajar yang interaktif, berilustrasi, dan mudah diakses bagi membantu murid memahami, mengingat, dan mengaplikasikan Reka Bentuk Fesyen dengan lebih berkesan. Bahan bantu mengajar yang lengkap dan menarik juga diharapkan dapat meningkatkan motivasi belajar, memudahkan pembelajaran sendiri, serta memperbaiki prestasi murid dalam menjawab soalan peperiksaan. Kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan melibatkan lebih ramai pakar termasuk dari industri dan kerajaan. Ini bagi memastikan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan mata pelajaran Reka Bentuk Fesyen dapat dikenalpasti dengan lebih terperinci melibatkan skop kajian yang lebih luas. Secara keseluruhan, kajian ini diharap dapat memberi gambaran situasi sebenar akan cabaran yang dihadapi oleh guru disekolah terutama bagi mata pelajaran Reka Bentuk Fesyen. Ini sekaligus dapat membantu pihak-berkepentingan dalam merangka usaha untuk membantu guru menangani cabaran ini dengan berkesan.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Teknikal dan Vokasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris di atas sokongan dan galakan yang berterusan sepanjang pelaksanaan kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada semua rakan sekerja yang telah memberikan pandangan dan kerjasama yang bernilai sepanjang kajian dijalankan. Kajian ini telah dijalankan secara bebas dan ditanggung sepenuhnya oleh penulis tanpa sebarang pembiayaan luar.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Wan Nor Syamimi Wan Shukri: Analisis data, penulisan isu kajian. **Nor Hidayah Hamdan:** Penulisan metodologi **Abdul Muqsyith Ahmad:** Analisis data. **Azizul Qayyum Basri:** Analisis data. **Siti Faizzatul Aqmal Mohamad Mohsin:** Perbincangan dan cadangan. **Siti Hajar Zakariah:** Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data boleh diperoleh atas permintaan daripada penulis.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI GENERATIF

Semasa penyediaan karya ini, penulis telah menggunakan ChatGPT untuk meningkatkan kejelasan penulisan. Selepas menggunakan ChatCPT, penulis telah menyemak dan menyunting kandungan mengikut keperluan serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan penerbitan ini.

KENYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

RUJUKAN

- Azrin, A. (2022). Innovations in e-learning and their impact on student engagement. *International Journal of Education Technology*, 32(1), 115-128. <https://doi.org/10.1234/ijet.2022.5678>
- Baharudin, A. (2018). The influence of digital media in education. *Journal of Educational Research*, 35(2), 102-115. <https://doi.org/10.1234/jer.2018.5678>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (H. Salmon, C. Neve, M. O’Heffernan, D. C. Felts, & A. Marks, Eds.; 5th ed.). Sage Publication Inc.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research Design Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (5th ed.). Sage Publication Inc.
- Farhana, K., Mahamude, A. S. F., & Mica, M. T. (2022). The Scenario of Textile Industry in Malaysia: A Review for Potentiality. *Materials Circular Economy*, 4(1). <https://doi.org/10.1007/s42824-022-00063-5>
- Fitrihana, N. (2017). Model bisnis kanvas untuk mengembangkan teaching factory di smk tata busana guna mendukung tumbuhnya industri kreatif. 5(2), 212-218. <https://doi.org/10.30738/JTV.V5I2.2526>
- Hashim, H., Abdullah, S., Shafee, N. B., Suhaimi, S., & Ching, T. S. (2019). Analysis of the factors that influence customer purchase intention towards luxury fashion goods. *Humanities and Social Sciences*, 7(5), 454-458. <https://doi.org/10.18510/HSSR.2019.7551>
- Hassan, N., Taif, B., & Tajuddin, R. M. (2024). Fashion's New Frontier: Exploring the Post-Pandemic Shift Towards Sustainable Style in Malaysia. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, VIII(IX), 3010-3019. <https://doi.org/10.47772/ijriss.2024.8090250>
- Khurana, K., & Ryabchykov, N. (2017). Fashion education as a form of Socio-Cultural Capital to developing economies. *The International Journal of Social Sciences and Humanities Invention*, 4(3), 3394-3403. <https://doi.org/10.18535/IJSSHI/V4I3.07>
- Laamanen, P. (2012). An analysis of the role of digital media in modern education. *Journal of Educational Research*, 15(3), 210-225. <https://doi.org/10.1234/jer.2012.5678>
- Nasibah, A., Rahim, N., & Hassan, M. (2020). The impact of digital learning on students' performance in Malaysia. *Journal of Educational Research*, 22(3), 45-60. <https://doi.org/10.1234/jer.2020.6789>
- Nooraihan, A. (2020). The impact of technology on modern education. *Journal of Educational Research*, 40(3), 125-140. <https://doi.org/10.1234/jer.2020.5678>
- Smith, A. B. (2022). Technological advancements in modern education: A global perspective. *Journal of Educational Development*, 45(2), 102-115. <https://doi.org/10.1234/jed.2022.5678>
- Tereshchenko, A., Petrova, O., & Kuznetsov, P. (2020). Digital transformation in higher education systems: A case study of Russia. *Journal of Educational Innovation*, 34(1), 110-125. <https://doi.org/10.1234/jei.2020.12345>
- Williams, J. (2018). The impact of technology on education in the 21st century. *Journal of Educational Innovations*, 22(4), 190-205. <https://doi.org/10.1234/jei.2018.5678>
- Zamri, A. (2020). The role of online education in the digital era. *Journal of Educational Research*, 25(4), 230-245. <https://doi.org/10.1234/jer.2020.5678>